

JOHOR BAHRU, Ahad — Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat menyeru pihak massa media di negara ini supaya memperjuangkan kebenaran dalam menjalankan tugas harian mereka supaya tidak mengelirukan orang-ramal.

Datuk Mohamed berkata, berita-berita yang kurang tepat, walaupun tidak palsu sama sekali, yang pernah disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan, sama ada yang berpunca dari luarnegeri atau dari dalam negeri hendaklah dihapuskan.

Bellau berkata, sesuatu berita di akhbar yang tidak tepat atau yang diputarbelitkan kebenarannya bukan sahaja mengelirukan pembaca-pembacanya, malahan jika salah melaporkan peranan dan aktiviti Kerajaan sebenarnya boleh mengahkiskan keyakinan rakyat terhadap kredibiliti Kerajaan.

Ingin tahu

Berucap merasmikan bangunan baru Biro Bernama di sini semalam, Datuk Mohamed, membidas setengah-setengah akhbar yang membesar-besarkan sesuatu berita tetapi apabila diberi penjelasan mengenai apa oleh pihak Kerajaan atau secara kecil-kecilan dan adakala diceeruk ruangan yang tidak menarik perhatian pembaca-pembaca.

"Ini adalah tidak adil kerana pembaca-pembaca juga ingin tahu keterangan dan kedudukan sebenar dari pihak berwajib tentang masalah yang dibangkitkan.

Dalam konteks ini, Datuk Mohamed berharap supaya akhbar-akhbar memalinkan perannya dengan penuh tanggungjawab, bukan semata-mata untuk memenuhi tujuan pelaburan dan pembangunan ekonomi,

Usah siarkan berita2 palsu seru menteri

tetapi yang penting lagi membantu dalam usaha pembangunan, pengkelan cara hidup demokrasi serta keutuhan negara.

Menteri Penerangan itu berkata, orangramal tidak lagi menelan secara bulat-bulat segala sesuatu yang dihidangkan melalui media massa tanpa menyoal dan menimbangnya secara kritis dan tidak lagi boleh dilalakan dengan cerita-cerita khayal yang tidak berdasarkan kepada fakta dan kenyataan.

Bellau menyeru supaya akhbar-akhbar di negara ini memeriksa semula peranan masing-masing untuk disesuaikan dengan kehendak semasa serta hasrat Kerajaan di bawah pemimpin baru sekarang yang ingin melihat sum-

bangsan yang positif.

Menurut bellau, perkara yang secara langsung terlibat sama di dalam nilai-nilai adalah peranan dan prestasi para wartawan, anggota pengarang dan ahli-ahli lembaga pengarah mereka, iaitu sama ada mereka telah menyemai bakti mereka menurut sesuatu etika yang boleh dibanggakan oleh mereka dari sudut profesionalisma mereka di samping penerimaannya oleh masyarakat umum.

Bellau berkata sesuatu etika yang berlandas kepada aspirasi dan keazaman segolongan kecil tanpa menghiraukan aspirasi masyarakat umum dan aspek kepentingan negara tidak mungkin boleh memberi sumbangan yang diharapkan.

Lebih-lebih lagi dalam

suasana di negara ini telah wujud kumpulan masyarakat profesional yang sudah mempunyai kod etika mereka maka akan menjadi ketara sekiranya disebut orang kelak bahawa ada pihak yang menggunakan ukuran mereka sendiri ke atas orang lain tanpa sanggup mewujudkan sesuatu etika ke atas diri sendiri.

Kerjasama

Menyentuh tentang peranan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), bellau berkata, Bernama telahpun mewujudkan rangkaian kerjasama dengan kesemua agensi berita yang ada di rantau Asean dengan penyertaan agensi berita negara yang dalam rangkaian pertukaran berita Asean mulai 20 Mei lalu, Agensi Berita Filipina dan Antara, Indonesia.

Datuk Mohamed menyeru akhbar-akhbar tempatan memberi sedikit ruangan berita mengenai Asean yang dikeluarkan oleh Bernama melalui rangkaian pertukaran berita tersebut untuk menggerakkan lagi semangat persefahaman serantau dan antarabangsa. — Bernama.

Jalal: Saya malu cuma bersandar dalam kereta

RENGIT, Ahad — Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Abdul Jalal Haji Abu Bakar berkata, sebagai wakil rakyat bellau merasa malu cuma duduk bersandar dalam kereta dan kemudian diberi tugas memotong pita.

"Saya adalah kepunyaan rakyat dan dari itu bersedia menemui rakyat bagi mengetahui rintihan dan keluh kesah mereka.

"Dari segi jawatan memang saya Timbalan Menteri, tapi hakikatnya saya juga rakyat jelata sama seperti saudara-saudara," katanya di majlis perjumpaan Hari Raya Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu Pahat di sini kelmarin.

Menurut bellau, sistem pentadbiran LCB (licin, cekap dan bersih) tidak akan menjadi kenyataan jika mereka yang diberi kepercayaan oleh rakyat lebih gemar menyandar dalam kereta.

Katanya, dalam apa juga perkembangan, kepentingan rakyat perlu diutamakan kerana mereka adalah penentu segala-galanya.

Tubuh RELA

SEGAMAT, Ahad — Para penduduk di pedalaman dan di sempadan negeri Johor diseru menubuhkan pasukan RELA supaya keselamatan mereka lebih terjamin.